

Tolak 'matlamat halalkan cara': PM

Tidak wajar lawan dengan cara dilakukan musuh

Oleh Ridzuan Yop

IPOH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pemimpin serta ahli Umno menolak pendekatan politik 'matlamat menghalalkan cara' bagi mengelak parti itu lemah dan mudah diperkotak-katik.

Presiden Umno berkata, pendekatan seperti itu tidak harus diamalkan semata-mata untuk mencapai matlamat politik atau cita-cita peribadi.

"Saya mahu kebolehan seperti ini... menghalalkan segala-galanya bagi mencapai sesuatu tidak patut diamalkan," katanya berucap selepas majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Besar, di sini, malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri mengimamkan solat Maghrib dan kemudian menunaikan solat Tarawih yang diimamkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Kurau, Kapten (B) Najmuddin Alias Al-Hafiz.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali; Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz.

Lebih 1,000 pemimpin serta ahli Umno Perak menghadiri majlis berbuka puasa itu dan Perak adalah negeri pertama dikunjungi Abdullah untuk berbuka puasa.

Abdullah berkata, umat Islam termasuk pemimpin dan ahli Umno sewajarnya menggunakan pendekatan yang baik untuk menolak apa juga

yang tidak baik.

"Jangan gunakan maki hamun untuk melawan dengki atau khianat dilawan dengan khianat kerana ia tidak akan ada akhirnya yang dapat membawa kepada kebaikan.

"Melawan, dengan cara yang dilakukan musuh tidak wajar, sebaliknya kita perlu banyak bersabar kerana pendekatan menyerang balas tidak akan ada satu penyelesaian yang aman.

"Sehubungan itu, sempena Rama-

dan ini, umat Islam terutama pemimpin dan ahli Umno sewajarnya melaksanakan 'gencatan senjata' dengan tidak melakukan tuduh-menyuduh dan sebagainya, sebaiknya dapat menggunakan bulan ini dengan amalan mulia," katanya.